

# → EHWAL ANTARABANGSA

CUBAAN RAMPASAN KUASA DI TURKI

## 'Hargai keamanan dikecapi negara kita'

→ Pengalaman hadapi detik cemas mengajar erti nikmat perpaduan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail

irwansha@bh.com.my

► Sepang

**P**engalaman berhadapan detik genting cubaan rampasan kuasa di Turki mengajar saya erti untuk menghargai keamanan yang dikehapi sebagai rakyat Malaysia," kata Prof Dr Mohd Jailani Mohd Nor.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu berkata, keadaan huru hara di alamnya di Lapangan Terbang Ataturk, Istanbul berikutan insiden berkenaan wajar menjadi pengajaran dan iktibar semua pihak.

"Hargai keamanan di Malaysia

dan teruskekalkannya, itu mesej saya kepada seluruh rakyat Malaysia selepas melihat sendiri keadaan kacau bilau yang berlaku akibat cubaan rampasan kuasa di Turki.

"Secara peribadi, saya tidak fobia (pergi lagi ke Turki) kerana bagi saya, ajal dan maut itu di tangan Tuhan," katanya ketika ditemui pemberita sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

### Antara 32 terkandas

Beliau antara 32 rakyat Malaysia yang terkandas di Lapangan Terbang Ataturk, Istanbul dan selamat tiba di sini pada jam 5.10 pagi semalam, menaiki pesawat Turkish Airlines.

Mohd Jailani berkata, bunyi tembakan sebanyak tiga kali yang ke-



Sebahagian rakyat Malaysia yang terkandas di Lapangan Terbang Ataturk, Istanbul, Turki selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

dengaran mencetuskan suasana panik dan kelam-kabut di dalam lapangan terbang menyebabkan mereka bersama ribuan lagi di dalam terminal berlari mencari perlindungan.

"Sewaktu bunyi tembakan dan orang ramai berlari, dalam fikiran terbayangkan... bila-bila masa boleh terkena peluru sesat. Apa pun yang terjadi sama ada hidup atau mati, saya serahkan segalanya kepada Allah," katanya.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Mohd Hasnun Arif Hassan, berkata beliau bersama beberapa pelajar Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) UMP terkandas di lapangan terbang berkenaan kira-kira 15 jam selepas beberapa kali penerbangan pulang ke ta-



Saya tidak fobia (pergi lagi ke Turki) kerana ajal dan maut itu di tangan Tuhan"

**Dr Mohd Jailani Mohd Nor,**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) UTeM

nah air dibatalkan.

Katanya, beliau juga turut menerima panggilan daripada Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Ibrahim yang meminta supaya mengumpulkan rakyat Malaysia yang berada di lapangan terbang itu.

### Dapat pesanan berkumpul

"Kami menerima pesanan supaya berkumpul bersama rakyat Malaysia dan jangan berpecah, malah kami tidak keluar dari lapangan terbang kerana ia kawasan paling selamat," katanya.

Ditanya mengenai bekalan makanan, Mohd Hasnun berkata, ketika keadaan kelam-kabut, banyak premis menutup perniagaan namun beliau bersyukur kerana masih mempunyai bekalan makanan yang dibawa di dalam beg.